

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BIL. 5 TAHUN 2000

LANGKAH-LANGKAH BAGI MEMUNGUT TUNGGAKAN PREMIUM DAN PREMIUM MILIK TANAH

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir-Pentadbir Tanah Jajahan tentang langkah-langkah yang perlu diambil dalam usaha-usaha berikut :

- i. Memungut tunggakan premium pemberian milik tanah
 - ii. Memungut premium pemberian milik tanah
2. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bersidang bagi kali ke 25/2000 pada 22hb. November 2002, setelah meneliti dan menimbang Kertas Bil. 25/1122/2000 telah membuat keputusan bersetuju mengambil tindakan melalui langkah-langkah sebagaimana para 3, di bawah bagi maksud memungut tunggakan premium dan memungut premium permohonan milik tanah.
3. Langkah-langkah yang telah dipersetujui oleh Pihak Berkuasa Negeri adalah sebagaimana berikut :

Tunggakan Premium Milik Tanah

- 3.1 Pentadbir Tanah menyediakan senarai tunggakan premium milik tanah dan mengemukakan kepada Jawatankuasa Hal Ehwal Tanah Jajahan untuk makluman Jawatankuasa berkenaan.

- 3.2 Mengeluarkan notis pentadbiran memberi tempoh 3 bulan kepada yang berkenaan supaya membuat/menjelaskan bayaran tunggakan masing-masing. Notis ini tidak dipanjangkan kepada tuan punya tanah/orang perseorangan yang berkenaan tetapi memadai dengan notis umum dengan cara-cara berikut :-
- 3.2.(a) Diedarkan kepada semua ahli-ahli Jawatankuasa Hal Ehwal Tanah Jajahan berkenaan.
- 3.2.(b) Diedarkan kepada semua Penggawa-Penggawa Daerah dan Penghulu-Penghulu Mukim.
- 3.2. (c) Notis dipamerkan di tempat-tempat awam.
- 3.2 (d) Diedarkan kepada lain-lain pihak yang difikirkan perlu oleh Pentadbir-Pentadbir Tanah mengikut kesesuaian Jajahan-Jajahan terbabit.
- 3.2.(e) Diedarkan kepada Imam-Imam Masjid Kepala Jajahan dan Masjid-Masjid Mukim.
- 3.3 Notis sebagaimana para 3.2 di atas hendaklah mengandungi penerangan bahawa selepas 3 bulan notis tarikh yang ditentukan, tindakan pengeluaran pemberitahu melalui ‘Borang 5A’ Kanun Tanah Negara akan dikeluarkan.
- 3.4 Tindakan mengeluarkan ‘Borang 5A’ (Sek. 81 dan Sek. 82), Kanun Tanah Negara, Pentadbir Tanah hendaklah menetapkan tempoh 3 bulan melalui borang tersebut.

- 3.5 Mana-mana pihak berkenaan/orang perseorangan yang tidak membayar/menjelaskan bayaran selepas tempoh yang ditetapkan melalui ‘Borang 5A’ (Sek.81 dan 82) Kanun Tanah Negara 1965, pembatalan hendaklah dibuat.

Premium Milik Tanah

- 3.6 Pemberitahu kelulusan permohonan milik tanah akan dikeluarkan melalui ‘Borang 5A’ (Sek.81 dan 82) Kanun Tanah Negara 1965.
4. Pentadbir-Pentadbir Tanah Jajahan hendaklah mengambil langkah melaksanakan keputusan-keputusan tersebut agar hasrat untuk meningkatkan pendapatan negeri melalui pungutan tunggakan premium dan premium permohonana milik tanah dapat dicapaikan jumlah tunggakan dapat dikurangkan dan seterusnya rakyat dapat memiliki suratan hakmilik tanah dan mengoptimakan kegunaan tanah.
5. Pekeliling ini hendaklah berkuatkuasa serta merta.

t.t

(Dato' Haji Md Yusuf Bin Noh)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN

KEPADА :

YABrs.Semua Pentadbir Tanah Jajahan
Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA :

1. YAB Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan.
2. YB Timbalan Menteri Besar Kelantan.
3. YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YBM Dato' Tengku Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
5. YB Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha (Majlis Mesyuarat Kerajaan)

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM,
15576 KOTA BHARU**

**FAIL : PTG KN 4485 JLD 2(4)
BERTARIKH : 15 RAMADAN 1421
11 DISEMBER 2000.**